



LEMBAGA PELABUHAN JOHOR **JAWATAN KOSONG**

Lembaga Pelabuhan Johor dengan ini mempelawa warganegara Malaysia yang berkelayakan untuk mengisi jawatan seperti berikut :

EKSEKUTIF, GRED PP6

Lantikan

Kontrak

Kumpulan Perkhidmatan

Eksekutif

Gaji (SGMM)

Minimum: RM2,218.00

Elaun

Khidmat Awam : RM185.00

ITP : RM400.00

Saraan (COLA) : RM300.00

Penempatan

Unit Undang-Undang

1. SYARAT PERMOHONAN :

Calon hendaklah memenuhi kelayakan berikut :-

- (a) Warganegara Malaysia; dan
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Bebas daripada sebarang rekod jenayah, penyalahgunaan dadah, tuduhan rasuah (SPRM), keberhutangan serius, status muflis dan tindakan tatatertib; dan
- (d) Mahir dalam pertuturan dan penulisan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik; dan
- (e) Perakuan pemeriksaan kesihatan melalui laporan perubatan dari klinik/hospital oleh pengamal perubatan yang berdaftar.

2. SYARAT LANTIKAN / KELAYAKAN MINIMA :

- (a) Memiliki Diploma Pentadbiran Awam atau Diploma dalam bidang Undang-Undang atau Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
- (b) Memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris (termasuk ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.
- (c) Memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian dalam bidang berkaitan.

3. RINGKASAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- (a) Membantu Pegawai Undang-Undang menyediakan draf surat cara, afidavit, pernyataan tuntutan, atau dokumen berkaitan prosiding mahkamah.
- (b) Membantu Pegawai Undang-Undang dalam memberi pandangan/nasihat perundangan selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.
- (c) Membantu Pegawai Undang-Undang menggubal undang-undang dan/ atau menyemak draf Perjanjian/ MoU/ Surat Niat/ Surat Setuju Terima dan dokumen berkenaan hal-hal perundangan.
- (d) Membantu Pegawai Undang-Undang menyediakan dokumen/ mengumpul maklumat kajian kes/ meneliti saman atau apa-apa dokumen perundangan berkaitan untuk dikemukakan kepada peguam panel LPJ.
- (e) Membantu Pegawai Undang-Undang mengkaji pemakaian dan perubahan pekeliling-pekeliling/ arahan-arahan Kerajaan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasan yang bersesuaian dengan LPJ.
- (f) Menjalankan carian dan kajian perundangan untuk menyokong kes atau isu yang sedang dikendalikan.

- (g) Mengumpul maklumat berkaitan undang-undang dan peraturan terkini.
- (h) Menyusun, mengemas kini, dan menyimpan fail kes dan rekod dokumen undang-undang.
- (i) Menjadualkan temu janji, mesyuarat berkaitan kes, dan mengurus komunikasi antara pihak-pihak berkepentingan.
- (j) Membantu dalam pengurusan logistik semasa pendengaran kes (walaupun tidak terlibat secara langsung di mahkamah).

4. CARA MEMOHON :

- 4.1 Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web Lembaga Pelabuhan Johor (<https://www.lpj.gov.my>).
- 4.2 Borang permohonan yang lengkap perlu di sertakan bersama-sama dokumen berikut:
 - (i) Resume dengan *Curriculum Vitae* (CV) yang mempunyai;
 - a) Maklumat peribadi,
 - b) Kelayakan akademik/ kompetensi (sertakan bersama sijil berkaitan dan sijil SPM)
 - c) Pengalaman kerja
 - d) Jangkaan gaji
 - e) Sekeping gambar terbaharu berukuran pasport; dan
 - (ii) Salinan Sijil Kelahiran & Salinan Kad Pengenalan; dan
 - (iii) Semua salinan sijil-sijil yang disertakan perlu disahkan oleh pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan & Profesional yang berkelayakan ; dan
 - (iv) Laporan Pemeriksaan Kesihatan terkini.
- 4.3 Borang permohonan dan dokumen yang lengkap sahaja akan diproses. Borang yang lengkap diisi dan dokumen berkaitan dengan permohonan hendaklah **dimasukkan ke dalam sampul surat dan ditulis tujuan permohonan, dihantar tangan atau diposkan berdaftar kepada :**

**PENGURUS BESAR
LEMBAGA PELABUHAN JOHOR
JALAN MAWAR MERAH 2,
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2,
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM
(U.P. : UNIT PENTADBIRAN & SUMBER MANUSIA)
TEL: 07-2534000**

**TUJUAN PERMOHONAN : PERMOHONAN JAWATAN EKSEKUTIF
(UNDANG-UNDANG), GRED PP6**

MAKLUMAT TEMU DUGA :

Hanya calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga. Calon yang di senarai pendek untuk menghadiri temu duga dikehendaki mendapatkan surat pengiktirafan MQA kelayakan melalui : <https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm>

Calon yang tidak dihubungi dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh temu duga, adalah dianggap tidak berjaya.

Tarikh Tutup Permohonan : 22 September 2025 (Isnin), jam 5.00 petang.